

Newspaper	Berita Harian
Date	2 March 2016

# Tiada pihak boleh pertikai pelantikan PM: Zahid

**Jasin:** Tun Dr Mahathir Mohamad dan mereka yang bersekongkol dengannya diingatkan bahawa Perdana Menteri hanya boleh diturunkan mengikut perundangan dan secara demokrasi.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, tiada pihak boleh mempertikaikan pelantikan Datuk Seri Najib Razak yang dipilih dan dilantik secara perundangan serta mematuhi proses demokrasi.

Justeru, katanya, kaedah lain yang tidak termaktub dalam Perlembagaan dan perundangan tidak boleh digunakan.

"Jika seseorang yang pernah

memerintah negara, sudah tentu tidak mahu keadaan seperti ini (menurunkan pemimpin) berlaku ke atasnya. Jadi, janganlah lakukan sesuatu di luar tata etika," katanya semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan Dr Mahathir menandatangani deklarasi bersama bekas pemimpin kanan negara, pemimpin pembangkang, aktivis politik dan ketua badan bukan kerajaan (NGO) di Kuala Lumpur, semalam.

Terdahulu, Ahmad Zahid merasmikan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Sungai Rambai yang turut dihadiri Ketua Menteri, Datuk

Seri Idris Haron dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri.

## Tidak campur tangan

Mengulas cadangan Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu merujuk penggantungan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), beliau berkata, kerajaan tidak akan campur tangan.

"Walaupun mempunyai kuasa eksekutif, namun saya mengambil sikap berkecuali dan memberi kepercayaan sepenuhnya kepada jabatan berkenaan.

"Apa pun pentafsiran, ROS

“  
*Jika seseorang yang pernah memerintah negara, sudah tentu tidak mahu keadaan seperti ini (menurunkan pemimpin) berlaku ke atasnya. Jadi, janganlah lakukan sesuatu di luar tata etika”*

**Ahmad Zahid Hamidi,**  
Timbalan  
Perdana Menteri

(keputusan) dibuat secara profesional. Maka, organisasi atau individu harus menerima setiap keputusan yang dibuat oleh pendaftar pertubuhan itu kelak," katanya.